

KENYATAAN MEDIA

3 Ogos 2020

KUALA LUMPUR, 3 Ogos - UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta” atau “Syarikat”) menolak tuduhan yang diutarakan dalam sebuah artikel di laman web Parti Sosialis Malaysia (“PSM”) bertajuk “Majikan curi OT (*overtime*) dan cuti umum pekerja pembersihan?”. Artikel tersebut mengemukakan dakwaan serius dan mengelirukan yang dibuat oleh Kesatuan Pekerja-Pekerja Swasta Perkhidmatan Sokongan di Hospital-Hospital Kerajaan Semenanjung Malaysia (“kesatuan”) dengan menuduh anak syarikat milik penuh UEM Edgenta, iaitu Edgenta UEMS Sdn. Bhd. (“Edgenta UEMS”) telah melakukan penganiayaan terhadap pekerjanya.

Edgenta UEMS telah melancarkan aplikasi digital ‘**Unified Clocking System**’ (“UCS”) di **Hospital Taiping, Perak, yang merupakan sebahagian daripada program perintis bertujuan untuk menggantikan sistem kad masa tradisional sedia ada**. Hasil daripada penggunaan aplikasi baharu ini, kad masa sedia ada telah diambil semula daripada para pekerja untuk memastikan proses peralihan ke sistem digital yang baharu ini dapat berjalan dengan lancar. Siasatan dalaman yang dijalankan oleh UEM Edgenta telah mengesahkan bahawa tuduhan “rampasan” kad masa seperti yang dituduh oleh pihak kesatuan tidak berlaku di mana-mana hospital di bawah seliaannya. Syarikat memandang serius terhadap tuduhan yang dikemukakan oleh pihak kesatuan dan komited untuk menjalankan siasatan ke atas sebarang tuduhan terhadap tindakan pekerja, penyelia dan pihak pengurusan yang tidak mematuhi undang-undang Syarikat serta akan mengenakan tindakan yang sesuai dan responsif, selaras dengan Kod Etika UEM Edgenta.

UEM Edgenta bersedia untuk tampil bersemuka dengan pihak kesatuan bagi menjelaskan dengan lebih terperinci mengenai ciri UCS yang baharu ini yang akan memberikan pelbagai manfaat dalam meningkatkan penyampaian perkhidmatan Syarikat kepada Kementerian Kesihatan (“KKM”) Malaysia. UCS mampu untuk meningkatkan kecekapan operasi dalam menguruskan operasi berkaitan pekerja Syarikat di beberapa lokasi secara dalam talian. Sistem ini juga dapat menyediakan analisis data berkaitan rutin harian setiap pekerja untuk mempertingkatkan pengurusan tenaga kerja semasa Syarikat.

Syarikat turut ingin menjelaskan bahawa sebarang perubahan pada jadual kerja hanya akan dilaksanakan sekiranya perlu untuk memastikan semua hospital KKM di bawah seliaannya dapat beroperasi secara optimum. **Perubahan waktu dan jadual kerja adalah dilaksanakan mengikut S60A (1) (d) Akta Kerja 1955, Pindaan 2012** yang menetapkan seperti berikut:

60A. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan seperti di bawah, seseorang pekerja di bawah kontrak perkhidmatannya tidak boleh diarahkan untuk bekerja–

- lebih dari lima jam secara berterusan tanpa waktu rehat sekurang-kurangnya 30 minit;
- melebihi dari lapan jam sehari;
- melebihi tempoh masa selama sepuluh jam sehari;
- melebihi empat puluh lapan jam dalam seminggu.

Notis perubahan telahpun dimaklumkan kepada pekerja yang terlibat melalui memo bertarikh 11 Februari 2020.

UEM Edgenta akan terus komited dengan standard profesionalisme, kejujuran, integriti, kebertanggungjawaban dan etika yang tinggi dalam menjalankan perniagaan dan operasinya. Syarikat berhasrat untuk menjalankan urusan dengan penuh etika, bertanggungjawab dan telus. Polisi *Whistleblowing* Syarikat telah diperkenalkan untuk membolehkan warga kerja UEM Edgenta dan orang awam melaporkan sebarang unsur atau tingkah laku yang tidak beretika dan salah, penipuan dan/atau penyalahgunaan atau yang disyaki melibatkan Syarikat. Pelaksanaan Polisi *Whistleblowing* ini juga selaras dengan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010, Akta Syarikat 2016, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007, Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pembiayaan Anti-Keganasan dan Hasil Akta Kegiatan Tidak Sah 2001, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan semua undang-undang dan peraturan di Malaysia. Sebarang pendedahan boleh dibuat melalui saluran pemberitahuan maklumat di laman web Syarikat (<https://whistleblowing.uemedgenta.com/WhistleBlowerMain.aspx>).

Sebarang perkembangan berkaitan perkara ini akan dimaklumkan melalui laman web kami (www.uemedgenta.com).

-Siaran Tamat-

Disiarkan oleh UEM Edgenta Berhad pada tarikh yang tertera seperti di atas. Sila e-mel sebarang pertanyaan kepada communications@edgenta.com.